

D.R. 6/2015

**RANG UNDANG-UNDANG LANGKAH-LANGKAH KHAS
MENENTANG KEGANASAN DI LUAR NEGARA 2015**

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pemakaian luar wilayah
4. Perbuatan keganasan di luar negara
5. Penggantungan atau pembatalan dokumen perjalanan Malaysia
6. Permintaan bagi penyerahan dokumen perjalanan asing
7. Tuntutan bagi penyerahan dokumen perjalanan asing
8. Permulaan pendakwaan
9. Ketidapkakaian Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 dan seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah
10. Peraturan-peraturan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai langkah-langkah khas bagi menangani orang yang terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing dan bagi perkara yang berkaitan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“dokumen perjalanan” ertinya suatu passport atau apa-apa bentuk dokumen pengenalan diri yang sah yang dikeluarkan oleh mana-mana kerajaan bagi maksud perjalanan merentasi sempadan antarabangsa;

“harta” ertinya—

- (a) tiap-tiap jenis aset, sama ada yang zahir atau tidak zahir, harta alih atau tak alih, yang ketara atau tidak ketara, walau bagaimanapun diperolehi; atau
- (b) dokumen atau surat cara undang-undang dalam apa-apa bentuk, termasuk elektronik atau digital, yang menjadi keterangan tentang hakmilik, atau kepentingan mengenai, aset itu, termasuk mata wang, kredit bank, deposit dan sumber kewangan yang lain, cek kembara, cek bank, kiriman wang, produk pasaran modal, draf dan surat kredit,

sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia, dan termasuklah kepentingan di sisi undang-undang atau ekuiti, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, mengenai mana-mana harta itu;

“Ketua Pengarah Imigresen” ertinya Ketua Pengarah Imigresen yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155];

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri;

“organisasi penganas tersenarai” ertinya mana-mana entiti ditentukan yang diisytiharkan di bawah seksyen 66B dan 66C Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613];

“perbuatan keganasan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Kanun Keseksaan [Akta 574].

Pemakaian luar wilayah

3. Akta ini hendaklah, berhubung dengan mana-mana orang, walau apa pun kerakyatan atau kewarganegaraannya, mempunyai kuat kuasa di luar dan juga di dalam Malaysia, dan jika suatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh mana-mana orang di mana-mana tempat di luar Malaysia, dia boleh diuruskan berkenaan dengan kesalahan sedemikian seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat dalam Malaysia.

Perbuatan keganasan di luar negara

4. Langkah-langkah khas di bawah Akta ini hendaklah terpakai bagi mana-mana orang yang—

- (a) membuat perjalanan ke Malaysia; atau
- (b) membuat perjalanan atau berniat untuk membuat perjalanan ke sesuatu negara asing atau ke mana-mana bahagian sesuatu negara asing dari atau menerusi Malaysia,

untuk terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing.

Penggantungan atau pembatalan dokumen perjalanan Malaysia

5. (1) Atas permintaan Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Imigresen boleh melalui perintah menggantung atau membatalkan semua dokumen perjalanan Malaysia yang telah dikeluarkan kepada seseorang dan hendaklah memberitahu orang yang kepadanya dokumen perjalanan itu telah dikeluarkan mengenai penggantungan atau pembatalan itu.

(2) Ketua Polis Negara boleh membuat suatu permintaan di bawah subseksyen (1) jika Ketua Polis Negara—

- (a) mengesyaki bahawa orang itu mungkin meninggalkan Malaysia untuk terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing; dan
- (b) mempercayai bahawa penggantungan atau pembatalan sedemikian adalah perlu untuk mencegah orang itu daripada melakukan perbuatan itu.

(3) Seseorang yang dokumen perjalanannya telah digantung atau dibatalkan boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Ketua Pengarah Imigresen untuk mengkansel perintah penggantungan atau perintah pembatalan itu.

(4) Atas suatu permohonan di bawah subseksyen (3), Ketua Pengarah Imigresen boleh mengkanselkan atau mengekalkan perintah penggantungan atau perintah pembatalan itu.

(5) Tiada seorang pun yang dokumen perjalanannya telah digantung atau dibatalkan di bawah Akta ini boleh memperoleh dokumen perjalanan Malaysia gantian atau sementara semasa perintah penggantungan atau perintah pembatalan di bawah subseksyen (1) berkuat kuasa.

(6) Seseorang yang melanggar subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh sehingga dua tahun.

Permintaan bagi penyerahan dokumen perjalanan asing

6. (1) Atas permintaan Ketua Polis Negara, Menteri boleh memerintahkan penyerahan dokumen perjalanan asing seseorang untuk empat belas hari jika Menteri berpuas hati bahawa—

(a) orang itu mungkin meninggalkan Malaysia untuk terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing; dan

(b) penyerahan dokumen perjalanan asing orang itu adalah perlu untuk mencegah orang itu daripada melakukan perbuatan itu.

(2) Ketua Polis Negara boleh membuat suatu permintaan di bawah subseksyen (1) jika Ketua Polis Negara—

(a) mengesyaki bahawa orang itu mungkin meninggalkan Malaysia untuk terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing; dan

(b) mempercayai bahawa penyerahan dokumen perjalanan asing orang itu adalah perlu untuk mencegah orang itu daripada melakukan perbuatan itu.

(3) Jika Menteri telah membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), sesuatu permintaan yang kemudian di bawah seksyen ini berhubung dengan orang yang sama tidak boleh dibuat melainkan jika Ketua Polis Negara mengemukakan maklumat tambahan untuk menyokong permintaan itu.

Tuntutan bagi penyerahan dokumen perjalanan asing

7. (1) Jika Menteri telah membuat suatu perintah di bawah seksyen 6, seseorang pegawai polis boleh menuntut supaya orang itu menyerahkan dokumen perjalanan asing orang itu kepada pegawai polis itu.

(2) Jika orang itu tidak menyerahkan dokumen perjalanan asing orang itu dengan serta-merta, pegawai polis itu boleh menyita dokumen perjalanan asing orang itu, sama ada dokumen perjalanan asing itu berada dalam milikan atau kawalannya atau tidak.

(3) Seseorang melakukan kesalahan jika orang itu tidak menyerahkan dokumen perjalanan itu kepada pegawai polis itu dengan serta-merta setelah suatu tuntutan dibuat di bawah subseksyen (1).

(4) Sesuatu dokumen perjalanan asing yang diperoleh oleh seorang pegawai polis di bawah seksyen ini hendaklah dengan serta-merta dikembalikan kepada orang yang kepadanya dokumen perjalanan itu telah dikeluarkan setelah habis tempoh perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 6 yang berhubung dengan dokumen itu melainkan jika penyimpanan dokumen perjalanan asing itu dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(5) Tiada seorang pun yang dokumen perjalanannya telah disita di bawah seksyen ini boleh memperoleh dokumen perjalanan asing gantian atau sementara semasa dokumen perjalanan yang sedia ada disita.

(6) Seseorang yang melanggar subseksyen (3) atau (5) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh sehingga dua tahun.

Pemulaan pendakwaan

8. Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Ketidapkakaian Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 dan seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah

9. Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 [Akta 461] dan seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] tidak terpakai bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Peraturan-peraturan

10. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat untuk memberikan kuat kuasa penuh kepada atau untuk melaksanakan peruntukan Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai langkah-langkah khas bagi menangani orang yang terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi penganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing dan bagi perkara yang berkaitan.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan bagi permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

4. *Fasal 3* mengadakan peruntukan mengenai pemakaian luar wilayah Akta yang dicadangkan.

5. *Fasal 4* memperuntukkan bahawa langkah-langkah khas di bawah Akta yang dicadangkan hendaklah terpakai bagi mana-mana orang yang membuat perjalanan ke Malaysia, atau yang membuat perjalanan atau berniat untuk membuat perjalanan ke sesuatu negara asing atau ke mana-mana bahagian sesuatu negara asing dari atau menerusi Malaysia, untuk terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi penganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing.

*Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan di
Luar Negara* 9

6. *Fasal 5* memberi Ketua Pengarah Imigresen kuasa, atas permintaan Ketua Polis Negara, untuk menggantung atau membatalkan semua dokumen perjalanan Malaysia yang telah dikeluarkan kepada seseorang untuk mencegah orang itu daripada membuat perjalanan ke sesuatu negara asing atau ke mana-mana bahagian sesuatu negara asing untuk terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai. Ketua Pengarah Imigresen hendaklah memberitahu orang itu mengenai penggantungan atau pembatalan dokumen perjalanannya. Mana-mana orang yang dokumen perjalanannya telah digantung atau dibatalkan di bawah *fasal* ini boleh memohon kepada Ketua Pengarah Imigresen supaya penggantungan atau pembatalan itu dikanselkan. Pemerolehan dokumen perjalanan Malaysia gantian atau sementara semasa penggantungan atau pembatalan itu berkuat kuasa adalah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh sehingga dua tahun.

7. *Fasal 6* dan *7* memperkatakan dokumen perjalanan asing. Di bawah *fasal 6*, Menteri diberi kuasa, atas permintaan Ketua Polis Negara, untuk memerintahkan penyerahan dokumen perjalanan asing seseorang selama empat belas hari untuk mencegah orang itu daripada membuat perjalanan ke sesuatu negara asing atau ke mana-mana bahagian sesuatu negara asing untuk terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai. *Fasal 7* memberi pegawai polis kuasa untuk menuntut penyerahan dokumen perjalanan asing seseorang mengikut perintah Menteri. Seseorang melakukan kesalahan jika dia tidak menyerahkan dokumen perjalanan itu kepada pegawai polis itu dengan serta-merta setelah tuntutan dibuat. Kesalahan juga dilakukan jika orang itu memperoleh dokumen perjalanan asing gantian atau sementara semasa dokumen perjalanan yang sedia ada disita. Kesalahan di bawah *fasal* ini boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh sehingga dua tahun.

8. *Fasal 8* memperuntukkan bahawa tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

9. *Fasal 9* memperuntukkan bahawa Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 dan seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah tidak terpakai bagi suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

10. *Fasal 10* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2971]

SPECIAL MEASURES AGAINST TERRORISM IN FOREIGN
COUNTRIES BILL 2015

ARRANGEMENT OF CLAUSES

Clause

1. Short title and commencement
2. Interpretation
3. Extra-territorial application
4. Terrorist acts in foreign country
5. Suspension or revocation of Malaysian travel documents
6. Request for surrender of foreign travel documents
7. Demand for surrender of foreign travel documents
8. Institution of prosecution
9. Non-application of Offenders Compulsory Attendance Act 1954 and sections 173A, 293 and 294 of the Criminal Procedure Code
10. Regulations

A BILL

intituled

An Act to provide for special measures to deal with persons who engage in the commission or support of terrorist acts involving listed terrorist organizations in a foreign country or any part of a foreign country and for related matters.

[]

ENACTED by the Parliament of Malaysia as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Act may be cited as the Special Measures Against Terrorism in Foreign Countries Act 2015.

(2) This Act comes into operation on a date to be appointed by the Minister by notification in the *Gazette*.

Interpretation

2. In this Act, unless the context otherwise requires—

“Director General of Immigration” means the Director General of Immigration appointed under section 3 of the Immigration Act 1959/63 [Act 155];

“listed terrorist organization” means any specified entity declared under sections 66B and 66C of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 [*Act 613*];

“Minister” means the Minister charged with the responsibility for home affairs;

“property” means—

- (a) assets of every kind, whether corporeal or incorporeal, moveable or immovable, tangible or intangible, however acquired; or
- (b) legal documents or instruments in any form, including electronic or digital, evidencing title to, or interest in, such assets, including currency, bank credits, deposits and other financial resources, traveller’s cheques, bank cheques, money orders, capital market products, drafts and letters of credit,

whether situated within or outside Malaysia, and includes a legal or equitable interest, whether full or partial, in any such property;

“terrorist act” has the same meaning assigned to it by the Penal Code [*Act 574*];

“travel document” means a passport or any form of valid document of identity issued by any government for the purpose of travel across international boundaries.

Extra-territorial application

3. This Act shall, in relation to any person, whatever his nationality or citizenship, have effect outside as well as within Malaysia, and where an offence under this Act is committed by any person in any place outside Malaysia, he may be dealt with in respect of such offence as if the offence was committed at any place within Malaysia.

Terrorist acts in foreign country

4. The special measures under this Act shall apply to any person who—

- (a) travels to Malaysia; or
- (b) travels or intends to travel to a foreign country or any part of a foreign country from or through Malaysia,

to engage in the commission or support of terrorist acts involving listed terrorist organizations in a foreign country or any part of a foreign country.

Suspension or revocation of Malaysian travel documents

5. (1) On a request by the Inspector General of Police, the Director General of Immigration may by order suspend or revoke all Malaysian travel documents that have been issued to a person and shall notify the person to whom the travel documents have been issued of the suspension or revocation.

(2) The Inspector General of Police may make a request under subsection (1) if the Inspector General of Police—

- (a) suspects that the person may leave Malaysia to engage in the commission or support of terrorist acts involving listed terrorist organizations in a foreign country or any part of a foreign country; and
- (b) believes that such suspension or revocation is necessary to prevent the person from carrying out such acts.

(3) A person whose travel documents have been suspended or revoked may make an application in writing to the Director General of Immigration for the cancellation of the suspension or revocation order.

(4) On an application under subsection (3), the Director General of Immigration may cancel or maintain the suspension or revocation order.

(5) No person whose Malaysian travel documents have been suspended or revoked under this Act may obtain replacement or temporary Malaysian travel documents while the suspension or revocation order under subsection (1) is in force.

(6) A person who contravenes subsection (5) commits an offence and shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years.

Request for surrender of foreign travel documents

6. (1) On a request by the Inspector General of Police, the Minister may order the surrender of a person's foreign travel documents for fourteen days if the Minister is satisfied that—

- (a) the person may leave Malaysia to engage in the commission or support of terrorist acts involving listed terrorist organizations in a foreign country or any part of a foreign country; and
- (b) the surrender of the person's foreign travel documents is necessary to prevent the person from carrying out such acts.

(2) The Inspector General of Police may make a request under subsection (1) if the Inspector General of Police—

- (a) suspects that the person may leave Malaysia to engage in the commission or support of terrorist acts involving listed terrorist organizations in a foreign country or any part of a foreign country; and
- (b) believes that the surrender of the person's foreign travel documents is necessary to prevent the person from carrying out such acts.

(3) If the Minister has made an order under subsection (1), a subsequent request under this section in relation to the same person shall not be made unless the Inspector General of Police provides additional information to support the request.

Demand for surrender of foreign travel documents

7. (1) If the Minister has made an order under section 6, a police officer may demand that the person surrender to the police officer the person's foreign travel documents.

(2) If the person does not immediately surrender the person's foreign travel documents, the police officer may seize the person's foreign travel documents, whether or not the foreign travel documents are in his possession or control.

(3) A person commits an offence if the person fails to surrender the travel documents to the police officer immediately upon a demand being made under subsection (1).

(4) A foreign travel document obtained by a police officer under this section shall be immediately returned to the person to whom it was issued upon the expiry of the order made by the Minister under section 6 relating to that document unless the retention of such foreign travel documents is required under any other written law.

(5) No person whose foreign travel documents have been seized under this section may obtain replacement or temporary foreign travel documents while the existing travel documents are seized.

(6) A person who contravenes subsection (3) or (5) commits an offence and shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years.

Institution of prosecution

8. No prosecution for or in relation to any offence under this Act shall be instituted except by or with the written consent of the Public Prosecutor.

Non-application of Offenders Compulsory Attendance Act 1954 and sections 173A, 293 and 294 of the Criminal Procedure Code

9. The Offenders Compulsory Attendance Act 1954 [Act 461] and sections 173A, 293 and 294 of the Criminal Procedure Code [Act 593] shall not apply to an offence under this Act.

Regulations

10. The Minister may make regulations as may be necessary or expedient for giving full effect to or for carrying out the provisions of this Act.

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to provide for special measures to deal with persons who engage in the commission or support of terrorist acts involving listed terrorist organizations in a foreign country or any part of a foreign country and for related matters.

2. *Clause 1* contains the short title and provision on the commencement of the proposed Act.

3. *Clause 2* contains the definitions of certain words and expressions used in the proposed Act.

4. *Clause 3* provides for extra-territorial application of the proposed Act.

5. *Clause 4* provides that the special measures under the proposed Act shall apply to any person who travels to Malaysia, or who travels or intends to travel to a foreign country or any part of a foreign country from or through Malaysia, to engage in the commission or support of terrorist acts involving listed terrorist organizations in a foreign country or any part of a foreign country.

6. *Clause 5* empowers the Director General of Immigration, on a request by the Inspector General of Police, to suspend or revoke all Malaysian travel documents that have been issued to a person to prevent the person from travelling to a foreign country or any part of a foreign country to engage in the commission or support of terrorist acts involving listed terrorist organizations. The Director General of Immigration shall notify such person of the suspension or revocation of his travel documents. Any person whose travel documents have been suspended or revoked under this *clause* may apply to the Director General of Immigration for the cancellation of such suspension or revocation. Obtaining a replacement or temporary Malaysian travel document while the suspension or revocation is in force is an offence punishable with imprisonment for a term which may extend to two years.

7. *Clauses 6* and *7* deal with foreign travel documents. Under *clause 6*, the Minister is empowered, on a request by the Inspector General of Police, to order the surrender of a person's foreign travel documents for fourteen days to prevent the person from travelling to a foreign country or any part of a foreign country to engage in the commission or support of terrorist acts involving listed terrorist organizations. *Clause 7* empowers a police officer to

*Special Measures Against Terrorism in
Foreign Countries*

9

demand the surrender of the person's foreign travel documents in accordance with the Minister's order. A person commits an offence if he fails to surrender the travel documents to the police officer immediately upon a demand being made. An offence is also committed if the person obtains a replacement or temporary foreign travel document while the existing travel documents are seized. Offences under this *clause* are punishable with imprisonment for a term which may extend to two years.

8. *Clause 8* provides that no prosecution for or in relation to any offence under the proposed Act shall be instituted except by or with the written consent of the Public Prosecutor.

9. *Clause 9* provides that the Offenders Compulsory Attendance Act 1954 and sections 173A, 293 and 294 of the Criminal Procedure Code shall not apply to an offence under the proposed Act.

10. *Clause 10* empowers the Minister to make regulations.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will not involve the Government in any extra financial expenditure.

[PN(U2)2971]